

11 DEC 1996

MAHATHIR LAWAT PEWAJA

KUALA TERENGGANU, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan ke Perwaja Steel Sdn Bhd, di Kemaman esok, demikian menurut jurucakap Jabatan Penerangan di sini.

Perdana Menteri dijadualkan tiba dengan penerbangan khas di Lapangan Terbang Kertih, kira-kira pukul 8.45 pagi, kata beliau.

Perdana Menteri dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur selepas melawat kilang itu kira-kira pukul 12 tengah hari, kata jurucakap itu. -- BERNAMA
IB PR